

**MAJLIS RAMAH MESRA PELAJAR BARU  
SIDANG AKADEMIK 2011/2012  
SEMPENA  
PROGRAM SAMBUTAN SISWA SISWI BAGI SIDANG  
AKADEMIK 2011/2012**

**Teks Ucapan**

**Y.Bhg. BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN  
HUSSIN**

**Naib Canselor**

**Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

pada 21 Jun 2011, di Dewan Warisan , Kangar, Perlis.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan  
Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib  
Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Pegawai-Pegawai Utama Universiti.

Penolong-Penolong Naib Canselor,

Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan, Wakil-Wakil Media.

Barisan Urusetia Minggu Suaikenal Serta Pembantu-Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal,

Yang dikasihi pelajar-pelajar baru Universiti Malaysia Perlis bagi sidang akademik 2011/2012.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya dapat kita berkumpul pada malam ini dalam suasana yang penuh keceriaan dan ketenangan. Saya pasti program-program yang telah disediakan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta Kolej Kediaman memberikan peluang kepada kita untuk berkenalan dan merapatkan hubungan silaturrahim antara kita.

Terlebih dahulu, saya ingin memohon kemaafan kerana tidak dapat bersama-sama anda sepanjang minggu suaikenal ini. Hal ini kerana, saya terpaksa berada di luar daerah kerana tuntutan tugas saya. Namun pelbagai amanat telah saya tinggalkan sebagai pesanan buat anda sekalian. Walaupun saya tiada di sini, namun saya sentiasa mengikuti perkembangan para pelajar sekalian.

Saya yakin pelbagai kenangan manis telah anda perolehi dan kini tibalah kepada malam untuk anda semua merehatkan minda dan melapangkan hati dengan sajian halwa telinga

mengikut alunan muzik dan rentak tarian yang akan dipersembahkan oleh rakan-rakan anda sendiri. Oleh itu, sekali lagi selamat datang kepada semua pelajar baru Diploma UniMAP sidang akademik 2011/2012 ke malam Ramah Mesra Pelajar atau secara tepatnya Malam Kebudayaan Pelajar Baru UniMAP.

Hadirin sekalian,

Seperti yang saya katakan diawal tadi, saya sentiasa memantau keadaan para pelajar walau dimana saya berada. Hal ini kerana, tatkala anda semua diserahkan oleh ibu bapa atau waris anda kepada kami di UniMAP, kami mengambil ini sebagai satu amanah yang terlalu berat untuk dipikul. Sebolehnya kami ingin memberikan yang terbaik sebagai penjaga kedua anda di sini.

Saya berkesempatan untuk hadir pada hari pendaftaran para pelajar Diploma pengambilan pertama pada 5 Jun 2011 yang lalu. Dengan melihat raut wajah ibu bapa dan anggota keluarga yang hadir pada hari tersebut, saya dapat rasai betapa gembira dan bangganya perasaan mereka melihat anda melangkah ke menara gading. Di raut wajah mereka terserlah akan harapan dan impian yang menggunung agar satu hari kelak, anda mampu menghadiahkan kegembiraan menggenggam segulung diploma seterusnya membantu merubah nasib keluarga serta menjadi penyumbang kepada pembangunan negara dan juga masyarakat. Harapan yang

tinggi menggunung ini tersandang dibahu anda sekalian. Tatkala kaki anda menjelaki ke sini – menara gading, ibu bapa di rumah merencanakan pelbagai angan-angan untuk melihat anda berjaya satu hari kelak.

Apabila anda berada di sini, tetapkan di minda - apa yang ingin anda capai semasa di universiti. Saya pasti semangat untuk berjaya berkobar-kobar di dalam hati tetapi semangat yang berkobar-kobar juga kadang-kala akan malap dan tidak kurang juga padam setelah beberapa semester mengharungi cabaran hidup di alam kampus. Hal ini kerana, pelbagai cabaran akan menduga dan perlu ditempuhi selagi anda bergelar mahasiswa/i. Ini adalah asam garam sebelum anda layak bergelar graduan. Namun ingatlah, **walau apapun dugaan yang mendatang, walau berkali jatuh tersungkur, walau terpesong di persimpangan jalan, walau terkadang jalan terasa gelap, apa yang boleh saya ucapkan - bangkitlah... dan terus gagah mara kehadapan** kerana di hujung jalan ini, ada ceritera lain sedang menanti iaitu segulung Diploma dan senyuman manis ibu dan bapa anda sekalian.

Ingin saya tekan di sini, walaupun berada berjauhan daripada ahli keluarga, namun komunikasi adalah penting kerana setiap perkara yang anda lakukan haruslah mendapat kebenaran juga restu mereka. Saya tidak mahu timbul masalah tidak pulang rumah semasa cuti semester atau

sebagainya kerana anda akan berada dibawah penjagaan UniMAP hanya sewaktu sesi pengajian dan semasa cuti semester sekiranya terdapat sebarang aktiviti. Namun jika tidak terdapat sebarang aktiviti semasa cuti semester anda semua perlu pulang ke rumah masing-masing.

Seperti yang kita tahu, kita kini berada di zaman teknologi hujung jari. Pelbagai perkara dapat dilaksanakan dalam masa yang singkat sahaja. Sekiranya kita memerlukan apa sahaja, kita boleh memaklumkan kepada sesiapa sahaja dengan menghantar SMS, email, facebook atau menghubungi terus melalui panggilan telefon. Oleh itu, saya ingin menyeru semua pelajar saya agar dapat luangkan sedikit masa untuk bertanya khabar kepada ibu bapa kita walau dimana mereka berada. Ini secara tidak langsung akan terus mengeratkan hubungan kasih sayang walaupun terpisah dek jarak yang jauh.

Hadirin sekalian,

Tujuan pihak UniMAP mengadakan Malam Kebudayaan ini adalah untuk memberikan peluang kepada para pelajar menunjukkan bakat dalam bidang kebudayaan. Setiap persembahan pada malam ini harus menampilkan elemen adat resam, pakaian, tarian dan lagu tradisional masyarakat pelbagai kaum. Saya percaya sekiranya elemen ini disuntik dalam setiap persembahan pasti akan terus memberikan kesedaran kepada para pelajar untuk menghargai nilai

kebudayaan masyarakat Malaysia. Saya juga sebenarnya berhasrat untuk memberikan nilai tambah kepada para pelajar untuk menjadi insane yang serba boleh kerana matlamat UniMAP itu sendiri adalah untuk melahirkan Modal Insan Kamil Yang Menyumbang Kepada Agenda Pembangunan dan Daya Saing Industri Negara yang kita cintai ini iaitu Malaysia.

Ini sekaligus akan menjadi medan persediaan kepada anda untuk ‘berperang’ dengan mereka yang lain dalam bidang pekerjaan. Kita tidak mahu melahirkan graduan robot semata-mata sebaliknya UniMAP mahu semua graduannya nanti adalah mereka yang versatile dan mampu untuk menyumbang dalam semua bidang dan tidak hanya menumpukan kepada satu-satu bidang yang dipelajari. Saya pasti dengan pelbagai rencana yang kita rancangkan untuk anda sepanjang tiga tahun ini pasti akan merealisasikan hasrat UniMAP seterusnya membuktikan graduan kelahiran UniMAP adalah serba boleh dan mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi.

Kita juga ingin memberi pendedahan kepada anda semua untuk mengetahui dan mengenali dengan lebih dekat adat dan kebudayaan semua kaum di negara ini. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memupuk semangat 1Malaysia seperti yang diuar-uarkan YAB Perdana Menteri kita, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak kerana melalui program seperti ini kita dapat menggabungkan pelbagai

bangsa dan kaum tanpa mengira agama sekaligus mampu menjalinkan hubungan mesra antara kaum selaras gagasan 1Malaysia yang menyatupadukan rakyat berbilang bangsa di negara ini

Hadirin Sekalian,

Saya tidak mahu berucap panjang pada malam ini kerana telah dimaklumkan bahawa anda semua telah menyediakan pelbagai persembahan menarik untuk majlis malam ini dan saya semestinya tidak ingin membuatkan para penonton tertunggu-tunggu. Namun, sebelum saya mengakhiri ucapan pada malam ini, ingin saya kongsikan kepada anda bahawa UniMAP bercadang untuk mengendalikan satu **projek penternakan Burung Walit** dengan kerjasama Alumni kita sendiri iaitu saudara Tan Wei Chun dengan pelbagai kajian akan dibangunkan dalam aspek penggunaan teknologi untuk meningkatkan populasi dan pengeluaran hasil burung ini. Alumni ini adalah bekas pelajar UniMAP dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan. Namun kini beliau merupakan salah seorang teknousahawan yang berjaya dalam bidang penternakan burung walit. Saya dimaklumkan bahawa akan ada tayangan multimedia berkaitan alumni ini, jadi marilah kita bersama-sama saksikan kejayaan yang telah diraih oleh beliau. Semoga tayangan multimedia itu nanti akan menjadi pembakar semangat buat anda sekalian.

Sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak sekretariat kerana telah berjaya menganjurkan program ini dengan lancar. Sebelum mengakhiri ucapan izinkan saya menyampaikan serangkap pantun:

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.